

Yang di-Pertuan Agong Yakin Malaysia, Kanada Mampu Perkukuh Hubungan Bernama
14 November , 2011

PUTRAJAYA, 14 Nov (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Mizan Zainal Abidin yakin lawatan negara bersejarah oleh Gabenor Jeneral Kanada David Johnston berupaya meningkatkan serta memperkukuhkan hubungan dan kerjasama erat anantara kedua-dua negara itu.

Tuanku Mizan bertitah sejak Malaysia mencapai kemerdekaan pada 1957, Kanada merupakan antara yang pertama mewujudkan hubungan diplomatik dengan negara ini.

"Kepelbagaian kerjasama selama ini adalah bukti jelas dan kita harap lawatan ini akan membuka jalan ke arah masa depan lebih gemilang bagi kedua-dua negara," titah baginda pada majlis jamuan negara meraikan Johnston dan delegasinya di Istana Melawati sini.

Turut hadir Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin dan bekas Perdana Menteri Tun Abdullah Badawi.

Tuanku Mizan turut mengucapkan tahniah kepada Johnston atas pelantikan beliau sebagai Gabenor Jeneral Kanada ke-28 dan bertitah Malaysia amat berbesar hati kerana menjadi negara pertama yang dilawati selepas pelantikan itu.

"Ini menunjukkan betapa akrab dan mesranya hubungan kedua-dua negara," titah baginda.

Tuanku Mizan bertitah ini juga menggambarkan peningkatan pelaburan dan perdagangan dua hala serta gembira dengan keputusan Kanada yang menarik balik nasihat perjalanan bagi Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan di Sabah awal tahun ini.

Baginda bertitah, sehubungan itu, Malaysia tidak sabar menanti ketibaan lebih ramai pelancong Kanada ke negara ini.

Sementara itu, Johnston berkata Malaysia dan Kanada memiliki banyak kepentingan bersama dan ia membantu memperkukuhkan hubungan kedua-dua negara.

Beliau juga yakin kerjasama dalam bidang pelajaran khususnya, akan memberikan masa depan yang lebih baik kepada generasi muda di kedua-dua negara.

Johnston, yang tiba bagi lawatan empat hari ke Malaysia, juga akan mengadakan lawatan negara ke Vietnam dan Singapura dari 16 hingga 22 Nov.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=626866>